

Pelbagai inisiatif kurangkan belia menganggur - PM

Ulu-17/7/2022 w/f: 3

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Kerajaan mempergiatkan usaha mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 40 tahun menerusi pelbagai inisiatif serta program yang disediakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kadar pengangguran belia menunjukkan penurunan kepada 5.3 peratus bagi suku pertama tahun ini berbanding 5.9 peratus pada tempoh sama tahun lalu.

Menurut beliau, bilangan penganggur pada suku pertama tahun ini seramai 585,000 orang berbanding 627,000 orang pada tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, kerajaan melalui kerjasama strategik Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan memberi lebih tumpuan kepada pertanian bandar.

“Menerusi program Agropreneur Muda, 8,000 usahawan



ISMAIL Sabri Yaakob (tiga dari kanan) bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor (kiri) menyerahkan replika cek kepada MBM pada sambutan Hari Belia Negara peringkat kebangsaan di Tuaran, Sabah semalam.

muda telah menerima bantuan meliputi geran, pembiayaan, serta kursus jangka pendek, khidmat nasihat teknikal dan kewangan,” katanya pada sambutan Hari Belia Negara peringkat kebangsaan di Tuaran semalam.

Pada majlis sama, Ismail Sabri mengumumkan untuk melantik seorang Senator Dewan Negara dalam kalangan belia bagi membolehkan suara kumpulan itu lebih didengari.

Beliau berkata, pengumuman itu dilakukan setelah mengam-

bil kira kepentingan belia kepada masa depan negara.

Ismail Sabri turut mengumumkan peruntukan tambahan RM1 juta kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk dikongsikan bersama pertubuhan-pertubuhan belia lain.